

PALESTIN HILANG KERANA ANGKARA JUARA-JUARA DEMOKRASI DAN KERANA KHIANAT PENGANJUR-PENGANJUR YANG MEMENTINGKAN MASLAHAT DIRI

Utusan Palestin- al-Shaykh Amjad al-Zahāwī kadi besar Iraq dan al-Shaykh ‘Alī al-Tantawī anggota mahkamah tinggi Syria yang telah ditugaskan oleh muktamar Islam Bait al-Maqdis mengelilingi negara-negara Islam dan menarik perhatian Ikhwān al-Muslimīn di dalam tiap-tiap negeri supaya memberi bantuan kepada saudara-saudara kita Muslimin Palestin yang sedang menderita. Kedua-duanya telah diraikan di Singapura dan di Johor Bahru dan telah berjaya membentuk “Jawatankuasa Pembantu Palestin” di Singapura sebagaimana mereka terlebih dahulu telah berjaya membentuknya di Pakistan dan di Indonesia.

Di dalam ucapannya yang bersemangat di rumah Jam‘iyat al-Da‘wah al-Islamiyyah Singapura, al-Shaykh ‘Ali al-Tantawī telah menggambarkan penderitaan yang sedang ditanggung oleh saudara-saudara kita di Palestin dan bagaimana Tanah Suci itu telah dilapah-lapah oleh Yahudi dengan dibantu oleh kerajaan-kerajaan yang mendakwa dirinya menjadi juara demokrasi, serta juga disebabkan khianat setengah-setengah penganjur sendiri. Katanya antara lain-lain:

Kedatangan kami bukan membawa cerita yang menyukakan berkenaan kebesaran Islam yang cemerlang yang kita umat Islam telah membiarkannya hilang. Tetapi ada membawa berita kejadian yang menyediakan yang telah ditempah oleh tangan umat Islam sendiri. Palestine negeri yang aman damai dahulu, sekarang penuh dengan kekejaman. Tiap-tiap seorang Islam di sana sentiasa berada di dalam bahaya dari angkara Yahudi dan pembantu-pembantunya.

Muslimin Dahulu dan Sekarang

Orang-orang Islam yang hanya berjumlah 40 orang pada zaman Nabi telah menggoncang dunia kerana mereka memegang Quran! Tetapi sekarang 400 juta umat Islam telah di lapah-lapah dan difara’idkan negerinya oleh kerajaan-kerajaan dunia kerana mereka telah

terpelengong dari panduan Quran!

Kita telah dikalahkan di Palestin bukan kerana kita lemah atau kerana Yahudi itu kuat, tetapi kerana kita telah syak sehingga kepada Quran kita yang telah berkali-kali menggambarkan Yahudi sebagai suatu golongan yang lemah dan hina (*duribat ’alayhim al-dhillat aynamā thuqifū*)! Gambaran Quran yang jelas itu kita telah pandang sebaliknya.

Penganjur-penganjur Khianat

400 juta jumlah umat Islam itu kalau terdiri daripada kumpulan kucing sekalipun nescaya akan dapat menelan Yahudi semuanya sekali!

Tetapi bagaimana Palestine hilang?-bertanya al-Shaykh ‘Alī al-Tantawī lalu menjawab.

Umat Islam yang mempertahankan Palestine telah berjuang dengan gagahnya, bahkan 10,000 orang Islam telah gugur di medan perang menjadi syahid. Malangnya perjuangan mereka yang cemerlang telah dikhianati oleh penganjur-penganjur mereka yang khianat! Yang telah mementingkan maslahat diri, dan telah dikecewakan oleh kerajaan-kerajaan yang teraku-aku menjadi juara demokrasi!.

Pokok Pangkalnya Pemimpin!

Umat Islam di Syria yang hanya berjumlah enam juta orang telah berjaya merebut kemerdekaan dari tangan Perancis yang lebih banyak jumlahnya dan lebih lengkap alat perangannya.

18 bulan lamanya tentera Perancis terpaksa terhenti di seberang sungai kerana kehandalan umat Syria menentangnya setelah mendapat pimpinan dari penganjur-penganjurnya yang tulus!

Tentera Islam Morocco yang dipimpin oleh Amīr ‘Abdul Karīm telah berjaya menghancurkan kekuatan dua buah kerajaan Barat-Perancis dan Sepanyol, kerana pimpinan penganjurnya yang tulus!

Demikian juga tentera Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbī telah berjaya menghancurkan tentera salib dengan pimpinan Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbī yang telah tertulis namanya dengan tinta emas di dalam sejarah Islam kerana tulus ikhlasnya dan setianya kepada ajaran Islam!

Angkara Kerajaan-kerajaan Demokrasi

Palestine telah dilapah-lapah pada hari ini. Dua bahagian Palestine yang subur dan pantai-pantainya yang makmur telah diberikan oleh kerajaan-kerajaan demokrasi “yang terhormat” kepada Yahudi.

Manakala yang bakinya, yang kering kontang dan kosong telah ditinggalkan kepada Arab Palestine.

Ini bukan bererti saya mengatakan komunis lebih baik daripada kerajaan-kerajaan demokrasi Barat tetapi yang sebenar kedua-duanya sama, dua kali lima sepuluh!!

Bandar Bait al-Maqdis, pun tidak terlepas daripada pembahagian yang kejam itu.

Kawasan yang makmur, yang mengandungi 90 peratus rumah-rumah Arab telah diberikan dengan segala isinya kepada Yahudi oleh rakan-rakan kita “yang terhormat” kerajaan demokrasi, dan kawasannya yang kosong dan lama telah ditinggalkan kepada orang-orang Arab Palestine.

Dengan adanya garisan damai sementara yang telah dipaksakan

kepada kita, dan ditandatangani oleh penganjur-penganjur kita yang tidak bertanggungjawab, maka kawasan Islam Palestin sekarang adalah terdedah kepada serangan Yahudi yang bertalu-talu.

Masjid al-Aqsa

“Masjid al-Aqṣā” yang menjadi idaman Yahudi hanya terletak kira-kira 20 ela jaraknya dari kawasan Yahudi. Mereka berniat hendak mengambilnya dan hendak menegakkan. “Haykal Sulayman” (rumah ibadat Yahudi) di atas runtuhanannya.

Peperangan Salib Baharu

Selain daripada angkara Yahudi maka kaum Islam Palestine sedang berhadapan dengan dua bahaya di Bait al-Maqdis-bahaya kelaparan dan bahaya kaum Salib.

Dengan serangan Yahudi yang bertalu-talu menyebabkan segala perusahaan tergendala. Kawasan Arab Palestine tidak ada pencarian sama sekali. Maka tidak pelik kalau makin sehari makin bertambah penderitaan dan pengangguran. Kanak-kanak yang lapar yang berpakaian compang camping kelihatan berkeliaran mencari sara perut. Dalam keadaan yang sangat malang inilah kaum Salib mencelah dilancarkan oleh kerajaan penjajah memasang lokahnya.

Tanah-tanah dibeli dengan harga sepuluh kali ganda. Gereja-gereja didirikan di sana sini. Saya sendiri- kata Tantāwī- telah melihat 15 gereja terdiri dalam sebatang jalan di tengah-tengah bandar Bait al-Maqdis.

Kanak-kanak Islam yang lapar telah dikutip oleh badan-badan Kristian dan dibela dengan syarat dibenarkan oleh bapanya menerima didikan di situ selama 10 tahun.

Hidup Dengan Bubur Kanji

“Adnah” sebuah kampung yang mempunyai sejarah yang cemerlang dalam pertahanan Palestine. Kampung ini terletak di atas bukit, sedang tanah-tanah subur yang terletak di sekelilingnya telah diberikan oleh kerajaan-kerajaan demokrasi kepada Yahudi.

Meskipun penduduk kampung itu hanya mempunyai 600 pucuk senapang buruk tetapi mereka dengan gagahnya telah berjaya menangkis serangan Yahudi sebanyak 160 kali. Tetapi kerana tanah-tanah mereka yang masih tinggal hanya batu yang tidak dapat ditanam maka tidak pelik kalau mereka menderita kelaparan dan anak-anak mereka terpaksa berdiri berderet-deret menerima habuan bubur kanji dari pertubuhan-pertubuhan Kristian.

Muktamar Islam

Kemalangan yang telah menimpa umat Palestin inilah yang mendesak terdirinya “Muktamar Islam Bait al-Maqdis” iaitu muktamar Islam yang tidak pernah diadakan seumpamanya sepanjang-pantjang sejarah dihadiri oleh wakil-wakil Islam seluruh dunia.

Penderitaan kaum Palestin inilah yang menyebabkan kami ditugaskan mengelilingi dunia Islam mencari bantuan untuk kaum yang malang itu. Alhamdulillah usaha kami berjaya, Iraq telah menghantarkan derma bantuan sebanyak kira-kira sejuta ringgit dan beratus-ratus lori makanan dan pakaian. Demikian


juga derma dari negeri al-Kuwait.

Di Pakistan kami berjaya mendirikan “jawatankuasa membantu Palestin” dan mereka sekarang sedang mengumpulkan bantuan yang diharapkan itu, demikian juga di Indonesia dalam lawatan kami telah terdiri sebuah jawatankuasa yang demikian maksudnya diketuai oleh Tuan Muhammad Natsir dan anggota-anggotanya terdiri daripada Kiayi Hāji Dahlān, Zīn al-‘Arifīn ‘Abbās, ‘Alī bin Yahyā, ‘Alī Sūnkar dan lain-lain lagi.

Penutupnya-kata Shaykh ‘Alī al-Tanṭawī-kedatangan kami ke sini bukan kerana hendak memungut derma tetapi hendak mendirikan “jawatankuasa membantu Palestin” seperti yang telah terdiri di negeri-negeri Islam yang lain. Jawatankuasa inilah yang diharapkan akan memungut derma bantuan itu dan menghantarkannya sendiri ke Bait al-Maqdis dan melihat derma-derma itu dibahagi-bahagikan dengan mata kepala.

[“Jawatankuasa pembantu Palestin” telah terdiri di Singapura pada hari itu juga sebagaimana yang tersiar beritanya di dalam “Warta 78” dengan selengkapnya- P.Q.]

* * * * *



Gambar ramai ahli kesenian Sejangkang Selangor dalam suatu perjumpaan Hari Raya baharu-baharu ini.